

0062

R B303 BAH
MAHATHIR - INDUSTRI
(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 11 MALAM INI)

KUALA LUMPUR, 9 NOV (BERNAMA) -- PARA PEKILANG HENDAKLAH MENGAMBIL KIRA KEPERLUAN UNTUK MENGGUNAKAN BAHAN MENTAH DAN KOMPONEN TEMPATAN, TEKNOLOGI TERBARU DAN MENCIPTA REKA BENTUK YANG LEBIH BAIK BAGI MEMPERBAIKI KELUARAN MASING-MASING, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI.

PERDANA MENTERI BERKATA SEBAGAI SEBUAH NEGARA YANG KAYA DENGAN SUMBER ASLINYA, MALAYSIA MEMPUNYAI KEMUNGKINAN YANG LUAS UNTUK MENINGKATKAN PENGGUNAAN BAHAN-BAHAN MENTAH TEMPATAN.

+SEBAHAGIAN DARIPADA KEMAJUAN INDUSTRI PEMBUATAN DISEBABKAN OLEH PENGGUNAAN SUMBER-SUMBER DALAM NEGARA YANG SUDAH TENTU LEBIH RENDAH KOSNYA,+ KATANYA PADA UPACARA PENYAMPAIAN ANUGERAH KECEMERLANGAN INDUSTRI 1990 DI SINI.

DALAM PADA ITU BELIAU BERKATA, MUTU YANG TINGGI TIDAK BOLEH DIABAIKAN DALAM USAHA MEMPERTINGKATKAN KEGUNAAN BAHAN TEMPATAN.

+DENGAN USAHA YANG BERSUNGGUH-SUNGGUH, TIDAK ADA SEBAB MENGAPA PENGGUNAAN BAHAN TEMPATAN HARUS MENGURANGKAN MUTU,+ TAMBAHNYA. -- LAGI.

2041MST 09 11 90

0064

R B304 BAH
MAHATHIR - INDUSTRI 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

KATANYA, SEKTOR PEMBUATAN MERUPAKAN INDUSTRI TERMAJU DARIPADA SEGI PERTUMBUHAN DENGAN MENYUMBANGKAN KIRA-KIRA 25 PERATUS KEPADA KELUARAN DALAM NEGARA KASAR DAN 54 PERATUS KEPADA HASIL EKSPORT NEGARA.

MENURUTNYA, FAKTOR UTAMA KEJAYAAN SEKTOR ITU IALAH DAYA USAHA MENGELUARKAN BARANG-BARANG YANG BERMUTU YANG DAPAT MEMENUHI KEMAMPUAN, KEHENDAK DAN CITA RASA PENGGUNA.

BELIAU BERKATA, UNTUK TERUS MENGEMBANGKAN EKSPORT BARANG-BARANG PERKILANGAN, PEMBANGUNAN BARANGAN MENJADI FAKTOR PENTING SUPAYA DAPAT MEMPELBAGAIKAN KELUARAN DAN MEMPERLUASKAN PASARAN EKSPORT.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENINGATKAN PARA PEKILANG BAHAWA SEGALA USAHA YANG DIBUAT, HENDAKLAH MEMPUNYAI MATLAMAT YANG BERPANJANGAN DAN BERKEKALAN.

+MUSUH KETAT KEJAYAAN YANG BERKEKALAN IALAH KEINGINAN MENDAPAT KEUNTUNGAN JANGKA PENDEK,+ KATANYA. -- LAGI.

2044MST 09 11 90

0065

R B305 BAH
MAHATHIR - INDUSTRI 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

DENGAN MENGUTAMAKAN KEUNTUNGAN JANGKA PENDEK, SEGALA BARANG DAN KERJA DIRINGKASKAN TANPA MENGAMBIL KIRA SAMA ADA TEMPAHAN AKAN DIBUAT BERULANG KALI, KATANYA.

+BARANG ATAU KERJA YANG BERKUALITI RENDAH DAN MURAH MUNGKIN BOLEH MEMBERI KEUNTUNGAN YANG BESAR, TETAPI HANYA SEKALI ATAU SEKEJAP SAHAJA. PASARAN AKAN MENOLAKNYA KALI KEDUA DAN SETERUSNYA.

+SEBALIKNYA, MUTU BARANGAN DAN KHIDMAT YANG BAIK, WALAUPUN MUNGKIN MENINGKATKAN KOS DAN MENGURANGKAN KEUNTUNGAN, TETAPI PENERIMAAN OLEH PASARAN SECARA BERKEKALAN AKAN MEMBAWA HASIL YANG BERPANJANGAN DAN LEBIH TINGGI DARIPADA KEUNTUNGAN JANGKA PENDEK,+ KATANYA.

BELIAU BERKATA SETIAP INDIVIDU SAMA ADA DARIPADA PENGURUSAN ATAU PEKERJA BERTANGGUNGJAWAB MEMBERI KHIDMAT TERBAIK BAGI MENCAPAI TAHAP KECEMERLANGAN YANG TINGGI.

+KHIDMAT YANG CEMERLANG DENGAN SENDIRINYA MENJADI BALASAN YANG MEMUASKAN -- IAITU MENJADI +REWARD+ KEPADA YANG MENCAPAINYA. TETAPI, LEBIH DARIPADA ITU, IA AKAN MENDATANGKAN HASIL MATERIAL BAGI PENGAMALNYA, JIKA TIDAK SECARA LANGSUNG, SUDAH TENTU DENGAN SECARA TIDAK LANGSUNG,+ KATANYA.

-- LAGI.

2046MST 09 11 90

0067

R B306 BAH
MAHATHIR - INDUSTRI 4 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

KATANYA, PIHAK PENGURUSAN JUGA PERLU MEMAHAMI PENTINGNYA KOS DALAM SETIAP USAHA KERANA KECEMERLANGAN YANG DICAPAI DENGAN KOS YANG TERLALU TINGGI SEHINGGA KHIDMAT ATAU BARANGAN ITU TIDAK KOMPETITIF, TIDAK BERMAKNA KECEMERLANGAN YANG SEBENAR.

+SEMENTARA MUTU SESUATU KERJA MESTILAH BAIK, KOS MESTILAH DIKAWAL RAPI. PERSAINGAN YANG BERLAKU SEKARANG BUKAN SAHAJA BERASASKAN KEPADA TAHAP KECEMERLANGAN TETAPI JUGA HARGA, + TAMBAHNYA.

MENGENAI INDUSTRI PELANCONGAN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SERAMAI 5.8 JUTA PELANCONG MELAWAT NEGARA INI DALAM TEMPOH SEMBILAN BULAN PERTAMA TAHUN INI BERBANDING DENGAN JANGKAAN AWAL SERAMAI 4.3 JUTA BAGI SEPANJANG TAHUN INI.

KEPADA SEKTOR PERHOTELAN, BELIAU BERKATA JIKA TARIF DINAIKKAN, IA HENDAKLAH DIIRINGI DENGAN MUTU KHIDMAT YANG LEBIH BAIK, SESUAI DENGAN KADAR KENAIKAN TARIF.

+MENAIKKAN TARIF KERANA HANYA INGIN MENDAPAT UNTUNG YANG LEBIH ADALAH KEUNTUNGAN JANGKA PENDEK YANG BOLEH MERUGIKAN AKHIRNYA, + KATANYA. -- BERNAMA.

2050MST 09 11 90

0091

R B316 BAH
MAHATHIR - INDUSTRI 5 KUALA LUMPUR (SAMBUNGAN BERITA)

MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN PERINDUSTRIAN DATUK SERI RAFIDAH AZIZ KETIKA BERUCAP SEBELUM ITU BERKATA, PIHAK PENGURUSAN INDUSTRI HENDAKLAH SENTIASA MENGEMASKINIKAN STRATEGI PEMASARAN BAGI MENGHADAPI SUASANA INDUSTRI YANG BERUBAH-UBAH.

DATUK SERI DR MAHATHIR KEMUDIAN MENYAMPAIKAN TROFI DAN SIJIL KEPADA SYARIKAT-SYARIKAT YANG MEMENANGI ANUGERAH YANG TERBAHAGI KEPADA EMPAT KATEGORI.

ANUGERAH PRESTASI ANTARA HOTEL DIMENANGI OLEH HOTEL RASA SAYANG PULAU PINANG (LEBIH 300 BILIK), HOTEL CITY BAYVIEW, PULAU PINANG (100 HINGGA 299 BILIK) DAN HOTEL SURAYA, KUANTAN (KURANG 100 BILIK).

ANUGERAH PENGURUSAN BERMUTU DIMENANGI OLEH MOTOROLA PULAU PINANG DAN HEWLETT-PACKARD SALES (M) SDN BHD.

SYARIKAT HEVEAFIL SDN BHD DAN LEADER CABLE INDUSTRY BHD MEMENANGI ANUGERAH EKSPORT CEMERLANG MANAKALA SYARIKAT INDUSTRIAL SDN BHD, PK ELECTRONIC INDUSTRIES SDN BHD DAN NESTLE (M) BHD MEMENANGI ANUGERAH KELUARAN CEMERLANG. -- BERNAMA

2320MST 09 11 90